



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**Ekspresi Budaya Tradisional Cerita Rakyat Etnik Iban di bawah
*Copyright Act 1987***

Nurulamira Binti Zakari@Awang

Sarjana Seni
(Pengurusan Seni)
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick

Final Year Project Report

Masters

PhD

<input type="checkbox"/>
<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK


This declaration is made on the 20 day of May, 2016.

Student's Declaration:

I, NURULAMIRA BINTI ZAKARI @ AWANG (14020084), FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS, hereby declare that the work entitled EKSPRESI BUDAYA TRADISIONAL CERITA RAKYAT ETNIK IBAN DI BAWAH COPYRIGHT ACT 1987 is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

20/5/2016


Date submitted



Nurulamira Binti Zakari @ Awang (14020084)

Supervisor's Declaration:

I, PROF MADYA DR. ANNA DURIN, hereby certifies that the work entitled EKSPRESI BUDAYA TRADISIONAL CERITA RAKYAT ETNIK IBAN DI BAWAH COPYRIGHT ACT 1987 was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS" as a partial fulfillment for the conferment of Master of Arts (Art's Management), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: 

Date: 20.5.2016

(Prof Madya Dr. Anna Durin)


I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (v)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature: 
(20/5/2016)

Supervisor's signature: 
(20/5/2016)

Current Address:

Faculty of Applied and Creative Arts, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak

Notes: * If the Project/Thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

**EKSPRESI BUDAYA TRADISIONAL CERITA RAKYAT ETNIK IBAN DI
BAWAH COPYRIGHT ACT 1987**

NURULAMIRA BINTI ZAKARI@AWANG

Penyelidikan ini merupakan keperluan bagi
Sarjana Seni
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam disertasi/tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak. Ia adalah asal dan tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada universiti atau institusi pengajian tinggi yang lain.

Nama Pelajar : Nurulamira Binti Zakari@Awang
No Kad Pelajar : 14020084
Program Ijazah : Sarjana Seni (Pengurusan Seni)
Fakulti : Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK)
Tajuk disertasi/tesis : Ekspresi Budaya Tradisional Cerita Rakyat Etnik Iban di bawah
Copyright Act 1987

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Pertama sekali, saya ingin memohon dengan penuh kesyukuran ke hadrat Illahi di atas kurniaaNya yang telah menganugerahkan tenaga, pemikiran dan ketenangan dalam menyelesaikan penyelidikan ini dengan jayanya sepermata tempoh yang telah ditetapkan. Disini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ketika menyiapkan penyelidikan ini. Terutama sekali kepada penyelia bagi penyelidikan saya iaitu Dr. Anna Durin serta kepada mantan penyelia saya iaitu Professor Dato Dr. Hashim bin Awang serta beberapa pensyarah Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) yang telah banyak meluangkan masa, memberi bimbingan, panduan dan cadangan yang membina dalam melengkapkan penyelidikan ini. Penghargaan juga dikhurasukan kepada informan yang terlibat dalam melaksanakan penyelidikan ini terutamanya kepada pihak Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Cawangan Sarawak, Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS), Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia Cawangan Sarawak serta beberapa informan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa mereka, penyelidikan ini mungkin tidak dapat dilengkapkan dengan baik. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada ayahda dan bonda yang tercinta Zakari @ Awang bin Mohamad dan Fatimah binti Abdullah yang telah memberi dorongan dan semangat tidak terhingga, tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan atas sokongan, galakkan, dan perkongsian idea-idea bagi melengkapkan penyelidikan.

ABSTRAK

Penyelidikan ini berkaitan tentang ekspresi budaya tradisional (EBT) sebagai harta intelek di Sarawak. Ekspresi budaya tradisional (EBT) merupakan salah satu produk budaya dan warisan yang dapat memberikan perlambangan dan menonjolkan keistimewaan. Penghasilan produk EBT biasanya hanya digunakan untuk adat-adat tertentu seperti perubatan dan ritual. Namun sesetengah pihak telah mengeksplorasi seperti yang yang berlaku terhadap masyarakat yang mana lagu-lagu rakyat mereka telah dieksplorasi serta dikormesilkan tanpa pengetahuan mereka. Ini menyebabkan masyarakat tidak mendapat sebarang pampasan (Chee Ying, 2005). Penyelidikan ini memfokuskan bentuk perlindungan terhadap ekspresi budaya tradisional (EBT) iaitu dijadikan sebagai salah satu komponen harta intelek di Malaysia khususnya Sarawak. Tujuan penyelidikan ini, untuk membincangkan perlindungan terhadap ekspresi budaya tradisional (EBT) bersifat tak ketara khususnya cerita rakyat diletakan di bawah Copyright Act 1987 dan meneliti permasalahan serta penyalahgunaan terhadap produk-produk berasaskan kepada ekspresi budaya tradisional (EBT). Hasil penyelidikan mendapati bahawa perletakan ekspresi budaya tradisional (EBT) khususnya bersifat tak ketara di bawah Copyright Act 1987 kurang bersesuaian kerana perlu memenuhi beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) iaitu dari aspek pengarangnya, tempoh perlindungan, *originality*S.27(3)(a)serta konsep *absolute ownership*S.26(1) and S.27(4).

Kata Kunci: Ekspresi Budaya Tradisional (EBT), Harta Intelek, *Copyright Act* 1987, Cerita Rakyat)

ABSTRACT

This research discuss about traditional cultural expression ethnic Iban as intellectual property. Traditional cultural expression or more commonly known as TCE is one of the cultural product that can provide the symbolism and highlight the privilege owned by the community. Production of TCE usually only used for custom such as medical and rituals. But some have been abuse such as happened to society which is their folk songs have been exploited and commercialized without their knowledge. These cause communities do not get any compensation (Chee Ying, 2005). These researches also stress to the expression of the traditional cultural of intangible in particular Iban folklore in Sarawak. The main focus of this research discuss the protection against traditional cultural expression of intangible placed under the Copyright Act 1987 and examine the problem an abuse of product based on the expression on the traditional cultural. These research using qualitative, focus on exploratory research as design research. Exploratory researches used due to look of information about subject research also use three method focuses on documentary method, review case study also interview. Research result found that placement of traditional cultural expression (intangible) under Copyright Act 1987 less appropriate because need to follow some criteria already set by Malaysia Intellectual Property Organization (MyIPO) which is in term of the author, originality S.27(3)(a), the duration of protection as well as the concept of absolute ownership S.26(1) and S.27(4).

Key words: *Traditional Cultural Expressions (TCE), Intellectual Property, Copyright Act 1987, Folklore)*

KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI CARTA	xi
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

Muka Surat

BAB SATU: PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Penyelidikan	2
1.2	Permasalahan Penyelidikan	4
1.3	Persoalan Penyelidikan	6
1.4	Objektif Penyelidikan	7
1.5	Konsep Penyelidikan	8
1.6	Skop Penyelidikan	13
1.7	Kepentingan Penyelidikan	14
1.8	Rumusan	16

BAB DUA: KUPASAN KEPUSTAKAAN

2.0	Pendahuluan	17
2.1	Ekspresi Budaya Tradisional (EBT)	18
2.2	Permasalahan Terhadap EBT	28
2.3	Perlindungan Kepada Ekspresi Budaya Tradisional (EBT)	31
2.4	Memelihara dan Mengelakkan EBT	33
2.5	Cerita Rakyat	36
2.6	Hak Milik	42
2.7	Rumusan	44

BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0	Pendahuluan	45
3.1	Prosedur Penyelidikan	46
3.2	Proses Awal Pengumpulan Data	47
3.3	Rekaan Penyelidikan	48
3.4	Kaedah Penyelidikan	49
3.5	Instrumen Penyelidikan dan Teknik Pengumpulan Data	50
3.5.1	Pemerhatian	53
3.5.2	Temubual (<i>Interview</i>)	54
3.5.2.1	Soalan Temubual	59

3.5.3	Dokumentasi	61
3.6	Data Analisis	
3.6.1	Teknik Analisis Data yang Digunakan	62
3.7	Batasan Penyelidikan	65
3.8	Etika Penyelidikan	
3.8.1	Persetujuan	66
3.9	Rumusan	67

BAB EMPAT: ANALISA DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	68
4.1	Penemuan Penyelidikan	
4.1.1	Sifat-sifat Ekspresi Budaya Tradisional (EBT) Khususnya bagi Etnik Iban yang Meliputi Aspek Ketara dan Tak Ketara	69
4.1.2	Masalah-masalah yang berkaitan dengan Ekspresi Budaya Tradisional (EBT) Bersifat Tak Ketara bagi Cerita Rakyat	85
4.1.3	Kesesuaian Garis Panduan yang Ditarikhkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) jika EBT diletakkan dalam Copyright Act 1987	99
4.1.4	Cabarannya Memelihara dan Mengurus EBT di Sarawak sebagai sebahagian dalam Komponen Harta Intelek serta Menjalankan Validasi bagi Melihat Kesesuaian Cadangan bagi Melindungi Ekspresi Budaya Tradisional	106
4.2	Rumusan	113

BAB LIMA: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0	Kesimpulan	114
5.1	Validasi Penyelidikan	120
5.1	Cadangan	122
	5.1.1 Cadangan kepada pengkaji akan datang	124

RUJUKAN	125
----------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A: Senarai kategori bagi perlindungan dalam <i>Copyright Act 1987</i>	130
Lampiran B: Senarai borang dan pembayaran	132
Lampiran C: Contoh borang permohonan (CR-1)	134
Lampiran D: Minit Mesyuarat Selepas Temubual Dijalankan di MAIS	137
Lampiran E: Hasil Temubual Informen dari Majlis Adat Istiadat Sarawak (MAIS)	139
Lampiran F: Hasil Temubual Informen dari MyIPO Cawangan Sarawak	144
Lampiran G: Hasil Temubual Informen dari Tun Jugah Fondation	149
Lampiran H: Hasil Temubual Informen dari Dewan Bahasa dan Pustaka	151
Lampiran I: Analisa Data Menggunakan Kaedah Tony Buzan	155
Lampiran J: Analisa Data Menggunakan Kaedah KJ	156
Lampiran K: Analisa Data Menggunakan Kaedah <i>Fish Bone</i>	157

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1: Sifat-sifat Ekspresi Budaya Tradisional (EBT) Bersifat Ketara	75
Jadual 2.2: Sifat-sifat Ekspresi Budaya Tradisional (EBT) Bersifat Ketara	76
Jadual 2.3: Senarai Cerita Rakyat Etnik Iban	90
Jadual 2.4: Bentuk-bentuk Perlindungan Yang Dapat Diberikan	109
Jadual 2.5: Soalan yang Digunakan Ketika Temubual	59
Jadual 2.6: Soalan bagi Validasi Penyelidikan	120

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1.1: Konsep Penyelidikan	8
Rajah 1.2: Kumpulan-kumpulan Utama Ekspresi Budaya Tradisional	73
Rajah 1.3: Pecahan Utama Ekspresi Budaya Tradisional	74
Rajah 1.4: Kaedah Penyampaian Cerita Rakyat	84
Rajah 1.5: Tujuan Penghasilan Cerita Rakyat	88
Rajah 1.6: Faktor Kesukaran menentukan “ <i>Ownership</i> ”	94
Rajah 1.7: Kaedah Mendokumentasi Cerita Rakyat di Sarawak	97
Rajah 1.8: Komponen Dalam Harta Intelek	100
Rajah 1.9: Kriteria Dalam <i>Copyright Act 1987</i>	103
Rajah 1.10: Pecahan Data Mengikut <i>Tony Buzan</i>	155
Rajah 1.11: Pecahan Data Mengikut KJ	156
Rajah 1.12: Pecahan Data Mengikut <i>Fish Bone</i>	157

SENARAI CARTA

Muka Surat

Carta 1.0: Komponen Ekspresi Budaya Tradisional (EBT)	21
Carta 1.1: Prosedur Penyelidikan	46
Carta 1.2: Proses Awal Pengumpulan Data	47

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Gambar 1.0: Eksplorasi Motif untuk Cenderahati	92
Gambar 1.1: Eksplorasi Motif Pua Kumbu untuk Cenderahati	93

SENARAI SINGKATAN

DBP Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia

GI *Geographical Indication*

IP Harta Intelek

KJ Kawakita Jiro

MyIPO Perbadanan Harta Intelek Malaysia

EBT Ekspresi Budaya Tradisional

TK *Traditional Knowledge*

BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Penyelidikan ini menyentuh mengenai kesesuaian ekspresi budaya tradisional (EBT) sebagai harta intelek yang mana memfokuskan kepada ekspresi budaya tradisional tak ketara khususnya cerita rakyat bagi etnik Iban. Cerita rakyat Etnik Iban dipilih kerana etnik ini merupakan kelompok etnik terbesar di Sarawak selain etnik Bidayuh. Oleh itu, jika cerita rakyat bagi etnik ini tidak sesuai dijadikan salah satu komponen dalam harta intelek maka kesemua cerita rakyat bagi etnik lain juga tidak dapat. Di samping itu, penyelidikan ini turut menyentuh sifat-sifat ekspresi budaya tradisional (EBT) bagi etnik Iban yang kurang diketahui oleh masyarakat setempat serta masyarakat luar amnya. Jika diperkatakan perihal ekspresi budaya tradisional (EBT) yang terdapat di Sarawak ianya merupakan sesuatu yang kompleks yang mana ekspresi budaya tradisional sebenarnya telah lama wujud. Sarawak mempunyai kepelbagaiannya etnik yang mana setiap etnik mempunyai ekspresi budaya yang tersendiri. Namun komuniti di Sarawak kurang didebak tentang ekspresi budaya tradisional (EBT) khususnya dari aspek perlindungan dan hak milik yang dapat perolehi. Penyelidikan ini memfokuskan tentang perlindungan yang diberikan kepada ekspresi budaya tradisional yang telah wujud serta adakah perlindungan yang sedia ada dapat mengurangkan penyalahgunaan EBT yang dimiliki selaras dengan keperluan ekonomi masa kini. Oleh itu, penyelidikan ini menghurai kesesuaian produk ekspresi budaya tradisional (EBT) bersifat tak ketara dilindungi dalam salah satu komponen harta intelek di Malaysia khususnya bagi *Copyright Act 1987*.

1.1 Latar Belakang Penyelidikan

Perlindungan terhadap ekspresi budaya tradisional (EBT) dan pengetahuan tradisional di Malaysia telah mendapat perhatian beberapa organisasi ekoran munculnya dakwaan dan salah faham di antara Malaysia dan Indonesia dari aspek ekspresi budaya tradisional khususnya dari aspek penghasilan batik, tarian kuda kepang, serta tarian barongan. Indonesia telah mendakwa bahawa ekspresi budaya tradisional berikut merupakan hak milik masyarakat Indonesia (Afifah Kusumadra, 2008:2). Majoriti masyarakat Malaysia menyedari bahawa penyalahgunaan dan eksploitasi EBT yang dimiliki merupakan satu penghinaan dan menguris harga diri sesebuah masyarakat. Oleh hal demikian, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah mula mengorak langkah dengan mengambil beberapa inisiatif bagi melindungi ekspresi budaya tradisional (EBT) yang dimiliki di Malaysia.

Salah faham yang berlaku bukan sahaja meliputi isu budaya dan warisan tetapi juga meliputi aspek ekonomi secara amnya. Salah faham ini juga menyebabkan masyarakat Indonesia memandang isu pemilikan sepertimana yang dinyatakan oleh (Jaszi, 2010:13) iaitu masyarakat Indonesia yang terdiri dalam kalangan seniman tradisional dan ketua-ketua kelompok masyarakat yang menekankan aspek perlindungan ke atas budaya yang telah dihasilkan. Secara amnya Indonesia dan Malaysia merupakan negara yang mempunyai kebudayaan yang hampir sama. Jika dilihat dari segi penghasilan batik misalnya mempunyai persamaan namun terdapat sedikit perbezaan khususnya dari aspek penggunaan motif. Namun demikian salah faham yang berlaku terhadap ekspresi budaya tradisional juga timbul di peringkat negara misalnya Sarawak.

Di Sarawak berlakunya isu berkenaan ekspresi budaya tradisional akibat berlakunya eksploitasi serta pengkormesilan. Misalnya eksploitasi terhadap motif yang digunakan khusus untuk tujuan tertentu telah dijadikan sebagai produk yang mempunyai nilai komersial seperti penghasilan produk cenderahati. Eksploitasi dan pengkomersilan bagi produk yang berasaskan EBT semakin rancak berlaku khususnya di Sarawak, namun eksploitasi dan pengkomersilan bagaimanakah yang dapat mengancam EBT yang telah dimiliki di Sarawak. Adakah terdapat sebarang perlindungan terhadap EBT jika ya adakah perlindungan yang diberikan berkesan.

Fokus penyelidikan dijalankan di bumi kenyalang. Sarawak dipilih kerana Sarawak mempunyai kepelbagaian etnik atau komuniti yang menghasilkan pelbagai jenis ekspresi budaya tradisional yang berbeza dengan komuniti yang lain seperti cerita rakyat, tarian, dan penghasilan kraf. Sarawak merupakan negeri yang ke-13 dalam Malaysia. Sarawak mempunyai pelbagai etnik disebabkan oleh faktor geografi yang mana bentuk muka bumi Sarawak yang bergunung-ganang serta terdapat pelbagai jenis sungai. Akibat pengaruh bentuk muka bumi inilah terhasilnya kepelbagaian etnik di Sarawak (Chong, 1999:12).

Bagi masyarakat atau komuniti etnik di Sarawak ekspresi budaya tradisional yang dimiliki telah lama diperturunkan selain ianya turut memberikan pengetahuan tradisi khususnya dari aspek hikayat, lagenda, kesenian, upacara atau ritual yang dijalankan. Hilangnya ekspresi budaya tradisional bermaksud hilangnya norma sosial dan tradisi yang dimiliki oleh etnik-etnik di Sarawak yang dapat membawa kepada implikasi kepada sosial yang telah lama wujud.

1.2 Permasalahan Penyelidikan

Akibat daripada berlakunya pencabulan ke atas ekspresi budaya tradisional (EBT), pelbagai pihak telah menyentuh tentang ekspresi kebudayaan tradisional atau lebih dikenali sebagai EBT yang dianggap sebagai harta intelek (*Intellectual Property*) (Bouchouk, 2000:5). Oleh yang demikian EBT telah mendapat perhatian yang serius bagi pelbagai agensi khususnya agensi yang melibatkan kesenian dan kebudayaan serta agensi yang bertanggungjawab terhadap pengumpulan bahan-bahan kebudayaan. Pelbagai aspek telah disentuh antaranya aspek budaya dan warisan iaitu EBT dapat membentuk dan melambangkan sesebuah komuniti. Hal ini demikian EBT yang dimiliki mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Ekoran itu juga, EBT yang dimiliki juga mempunyai nilai-nilai estetika yang tersendiri yang dapat mencerminkan identiti yang dimiliki oleh sesebuah etnik yang mana telah dieksplotasi (Honiko, 2001).

Jika diperkatakan tentang ekspresi budaya tradisional yang terdapat di Sarawak ianya sesuatu yang luas dan kompleks. Apakah jenis dan sifat ekspresi budaya tradisional yang dimiliki oleh etnik-etnik di Sarawak khususnya etnik Iban. Kebiasaannya setiap etnik mempunyai ekspresi budaya tradisional yang tersendiri yang dapat memberikan perbezaan serta mempunyai keistimewaan yang tersendiri khususnya dari aspek penghasilan produk-produk kraftangan serta motif-motif. Oleh itu, EBT dapat berperanan sebagai satu simbol atau lambang bagi sesebuah komuniti serta dapat menggambarkan keistimewaan yang dimiliki oleh komuniti berkenaan. Setiap penghasilan produk akan menghadapi kekangan begitu juga dari aspek ekspresi budaya tradisional yang mana EBT ini mula menghadapi kekangan ekoran campur tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Terdapat beberapa agensi yang melihat dari aspek pengkomersilan khususnya produk yang berasaskan ekspresi budaya tradisional (EBT) yang menghasilkan

keuntungan kepada agensi berkenaan. Penghasilan EBT kebiasaannya hanya digunakan oleh kumpulan etnik atau komuniti bagi tujuan tertentu yang mana bukan kesemua EBT yang dihasilkan dapat digunakan secara umum iaitu hanya digunakan untuk adat-adat tertentu sahaja seperti perubatan dan ritual. Namun sesetengah organisasi sering mengkomersilkan bahan-bahan yang berasaskan EBT bagi meningkatkan keuntungan tanpa memberikan sedikit imbuhan kepada pemilik asal. Eksplotasi yang dilakukan secara berterusan mengakibatkan pelbagai impak kepada komuniti. Oleh itu, perlindungan seharusnya dibentuk bagi membendung masalah ini.

Istilah perlindungan membawa makna dan maksud yang luas yang bererti usaha yang dijalankan bagi memelihara dan memulihara ekspresi budaya tradisional namun aspek yang dilihat adalah dari aspek *copyright* bagi EBT yang telah dihasilkan oleh sesebuah komuniti. Oleh itu, sesetengah pihak menyatakan bahawa EBT sesuai dilindungi sebagai harta intelek khususnya *copyright* (Dwivedi & Saroha, 2005:308-309). Aspek *copyright* ditekankan kerana terdapat beberapa organisasi yang menyatakan bahawa EBT dapat dikelaskan di bawah hak milik namun perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ekoran daripada itu, permasalahan utama yang ingin dikupaskan bagi melihat kesesuaian EBT diletakkan dibawah hak milik serta adakah syarat-syarat yang ditetapkan dapat membantu memberi perlindungan terhadap EBT. Adakah perlindungan yang dicadangkan seperti dijalankan di peringkat antarabangsa yang meletakkan EBT sebagai salah satu komponen dalam harta intelek khususnya aspek *Copyright Act 1987*. Adakah *Copyright Act 1987* yang terdapat di Malaysia dapat memberikan perlindungan sepenuhnya terhadap produk-produk ekspresi budaya tradisional yang masih wujud di Sarawak. Jika ia nya dapat melindungi EBT berkenaan adakah keseluruhan sifat EBT dapat dilindungi berdasarkan perlindungan yang sedia ada. Namun jika tidak perlukah EBT diberikan bentuk

perlindungan yang lain. Kesemuanya menjadi satu tanda tanya yang perlu diberikan penegasan oleh sesetengah pihak. Oleh tu, penyelidikan ini memfokuskan kepada beberapa permasalahan utama iaitu:-

- i) Terdapat kepelbagaian etnik dalam ekspresi budaya tradisional (EBT) di Sarawak.
- ii) Memadangkan EBT telah dieksloitasi secara komersial meminggirkan anggota masyarakat yang menciptakannya. Produk-produk berdasarkan daripada ekspresi budaya tradisional (EBT) yang dimiliki oleh komuniti di Sarawak telah dieksloitasi serta disalahgunakan oleh individu dan organisasi yang berorientasikan keuntungan. Eksploitasi dan penyalahgunaan terhadap produk EBT bersifat ketara jelas kelihatan namun apakah bentuk masalah yang dihadapi oleh produk EBT bersifat tak ketara memfokuskan penghasilan cerita rakyat.
- iii) Terdapat kaedah memelihara dan melindungi ekspresi budaya tradisional (EBT) ini dari aspek perundangan iaitu harta intelek di bawah komponen *Copyright Act* 1987. Adakah garis panduan atau kriteria berdasarkan *Copyright Act* 1987 yang telah diselaraskan dan disediakan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYiPO) sesuai digunakan untuk melindungi produk ekspresi budaya tradisional (EBT) bersifat tak ketara khususnya cerita rakyat. Wajarkah produk ekspresi budaya tradisional (EBT) dilindungi dan dipelihara dibawah *Copyright Act* 1987 sekaligus dijadikan sebagai salah satu komponen bagi harta intelek di Malaysia.

1.3 Persoalan Penyelidikan

Penyelidikan ini mempunyai beberapa persoalan yang utama iaitu:

- i) Apakah sifat-sifat utama bagi ekspresi budaya tradisional
- ii) Apakah masalah dan kekangan yang dihadapi oleh produk berasaskan EBT di Sarawak.
- iii) Adakah Copyright Act 1987 sesuai digunakan bagi melindungi EBT di Sarawak.
- iv) Bagaimanakah kaedah bagi memelihara dan menguruskan EBT di Sarawak.

1.4 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini membincangkan empat objektif yang utama iaitu:-

- i) Mengenalpasti sifat-sifat Ekspresi Budaya Tradisional (EBT) khususnya bagi etnik Iban yang meliputi aspek ketara dan tak ketara.
- ii) Meneliti masalah-masalah yang berkaitan dengan EBT bersifat tak ketara bagi cerita rakyat, adakah masalah antara EBT bersifat ketara dan tak ketara mempunyai persamaan seperti eksploitasi serta pengkomersialan.
- iii) Menghurai kesesuaian garis panduan yang digariskan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia jika EBT diletakkan dalam *Copyright Act 1987* khususnya dari aspek *originality, ownership, duration* dan *absolutely ownership*.
- iv) Menganalisis cabaran bagi memelihara dan mengurus ekspresi budaya tradisional (EBT) di Sarawak sebagai harta intelek di Malaysia serta menjalankan validasi bagi melihat kesesuaian cadangan bagi melindungi ekspresi budaya tradisional.